

# UTHM terima 2276 Pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda

UTUSAN 22/9

UNIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima seramai 2276 pelajar baharu bagi program Ijazah Sarjana Muda sesi 2014/2015 pada hari pertama pendaftaran yang berlangsung di kampus itu baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, 1010 terdiri daripada pelajar lelaki manakala 1266 lagi adalah pelajar perempuan. Untuk semester ini, UTHM juga menerima pelajar dari luar negara seperti dari Yemen, Somalia, Palestin dan Bangladesh.

Kesemua pelajar yang mendaftarkan diri ini mengikuti pelbagai kursus yang ditawarkan oleh lapan fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan

Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan.

Selain itu, Fakulti Pendidikan Teknikal, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan.

Bagaimanapun, jumlah pendaftaran pelajar dijangka akan terus meningkat sehingga tempoh rayuan berakhir.

Pelajar-pelajar baharu tersebut akan menginap di kolej-kolej kediaman yang disediakan oleh pihak universiti dan mereka diwajibkan mengikuti Minggu Haluan Siswa (MHS) yang dijadual berlangsung selama seminggu.



SEBAHAGIAN  
daripada pelajar  
baharu yang  
mendaftar di UTHM.  
baru-baru ini.